

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- a) penjelasan mengenai kes judi online Macau Scam yang diserbu oleh SPRM pada bulan Oktober, dimana 20 individu termasuk 8 pegawai polis ditahan; dan
- b) apakah tindakan yang telah diambil terhadap kumpulan sindiket negeri-negeri lain, khususnya yang juga berleluasa di Melaka.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah menahan beberapa individu yang dikatakan terlibat dalam membantu sindiket Macau Scam. SPRM juga sedang menyiasat wang yang diperolehi melalui sindiket ini yang mana kemudiannya wang tersebut melalui proses penggubahan wang haram (*money laundering*) di beberapa tempat yang melibatkan pelbagai sektor perniagaan di Malaysia. Selain itu, SPRM juga menyiasat penguatkuasa-penguatkuasa yang dikatakan terlibat dalam melindungi Macau Scam. Siasatan kes ini bukan sahaja dijalankan oleh SPRM malah turut dijalankan oleh pihak PDRM.

Sekian, terima kasih.